

Bahasa orang Kanaq kian terancam

LIMA tahun bukanlah jangka waktu yang pendek, namun sepanjang tempoh itulah digunakan Dr. Mohd. Sharifudin Yusof untuk mengenali orang Kanaq secara lebih dekat.

Semuanya bermula pada tahun 2000 ketika beliau membuat kajian mengenai keterancaman bahasa orang Kanaq dan Duano bagi menyiapkan tesis di peringkat pengajian ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) yang diambilnya ketika itu.

Beliau yang kini merupakan pensyarah kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil masa lima tahun untuk menyiapkan tesis tersebut.

Menceritakan mengenai pengalaman bersama orang Kanaq, jujur Dr. Mohd. Sharifudin akui, ia bukanlah semudah yang disangka kerana kaum Kanaq amat pemalu terutama dengan orang luar.

"Saya masuk ke perkampungan Orang Asli ini pada 2000, namun terpaksa mengambil masa dua tahun untuk 'membina hubungan' dengan orang Kanaq ini.

"Dalam tempoh itulah, saya tinggal bersama Penghulu (tok batin) Mutalip dan banyak melakukan aktiviti bersama masyarakat Orang Asli itu hingga mereka akhirnya dapat 'menerima' saya," katanya.

Menurut Mohd. Sharifudin, berdasarkan kajian secara etnografi, bahasa orang Kanaq adalah sebuah bahasa Austronesia yang tergolong dalam cabang Bahasa Malayik.

Jelasnya, secara am, bahasa pertuturan orang Kanaq adalah seakan-akan bahasa Melayu dengan lengkok dan loghat bahasa yang agak kasar.


Katanya, masa depan dialek Kanaq turut memasuki era kepupusan dan keadaan menjadi lebih gawat kerana ancaman demi ancaman mendatang.

"Ia 'bahasa terancam' kerana jumlah penuturnya yang sedikit. Namun, majoriti orang Kanaq masih bertutur dalam bahasa ini dengan baik.

"Kajian juga mendapat dialek Kanaq semakin didominasi Bahasa Melayu Standard (BMS) terutama dalam kalangan generasi muda," katanya.

Hasil kajian yang dilakukan selama lima tahun itu telah membantu Mohd. Sharifudin menyiapkan tesisnya dan lebih menggembirakan beliau apabila kajian itu dibuku dan diterbitkan pada 2013.

Buku Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq yang dihasilkan Mohd. Sharifudin ini ternyata menjadi pusaka yang tidak ternilai demikian pewarisan salah satu ciri budaya nenek moyang Duano dan Kanaq.



DR. MOHD. SHARIFUDIN YUSOF menunjukkan buku tulisannya mengenai bahasa suku kaum Kanaq yang semakin terancam.